



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 29 DISEMBER 2022**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFS GALAK PEMODENAN, PENGGUNAAN TEKNOLOGI DALAM AKTIVITI PERTANIAN, CETUSAN, SH -17	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)
2.	LEBIH 43,000 EKOR TERNAKAN MATI AKIBAT BANJIR DI TERENGGANU, NASIONAL, SH -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	SISTEM REBAN TERTUTUP ATASI MASALAH LALAT, NEGARA, KOSMO -6	
4.	PENTERNAKAN RUGI RM3.47 JUTA, NEGARA, KOSMO -14	
5.	APMM LUPUS BOT NELAYAN ASING BERNILAI RM192,000, LOKAL, HM -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	PETANI KERJAYA BAHARU BEKAS PENYELIA KILANG, DALAM NEGERI, UM -33	LAIN-LAIN
7.	TELUR TETAP TIDAK CUKUP WALAUPUN IMPORT - MYDIN, NEGARA, KOSMO -16	
8.	TELUR IMPORT ATAU TEMPATAN, APA PILIHAN PENGGUNA?, DALAM NEGERI, UM -7	
9.	HARGA SILING TELUR TEMPATAN RENDAH BERBANDING THAILAND, INDONESIA, DALAM NEGERI, UM -7	
10.	KOS TELUR IMPORT TINGGI, UNTUNG KEDAI MAMAK TERJEJAS, DALAM NEGERI, UM -7	

UKK MAFS

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFS galak pemodenan, penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) memberi penekanan kerjasama strategik bersama kerajaan negeri dari segi menggalakkan pemodenan dan penggunaan teknologi dalam aktiviti pertanian.

Timbalan Menteri, Chan Foong Hin berkata, langkah itu antara salah satu bentuk kerjasama bagi memperkukuhkan industri pertanian dalam negara.

Selain itu, ujar beliau, kementerianya juga akan meneruskan aktiviti jelajah dalam sektor pertanian dan agromakanan di Sabah dan Sarawak.

"Pertemuan dua hala ini bertujuan untuk mengeratkan kerjasama strategik Kementerian di peringkat Persekutuan dan kerajaan wilayah Sabah dan Sarawak dalam menangani isu keterjaminan makanan.

"Turut dibincangkan adalah pelbagai perkara termasuk pendekatan menghormati autonomi kerajaan wilayah dalam bidang pertanian serta



Foong Hin (kiri) mengadakan kunjungan hormat ke atas Hajiji di pejabatnya di Menara Kinabalu.



Foong Hin menerima cenderahati daripada Hajiji. Pertemuan dua hala ini bertujuan mengeratkan kerjasama MAFS dan kerajaan negeri.

meneroka ruang kerjasama terutamanya bersama Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah, yang diterajui Menteri, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan," kata beliau dalam satu kenyataan pada Selasa.

Foong Hin mengadakan kunjungan hormat ke atas Ketua Menteri Sabah, Datuk

Seri Hajiji Noor di pejabatnya di Menara Kinabalu pada Selasa.

Kunjungan tersebut adalah bersempena lawatan sulung Foong Hin ke Sabah sejak dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan pada 9 Disember lepas.

la turut disertai oleh Pengarah Lembaga Pertubuhan

Peladang Negeri Sabah, Hadriyani Ahmad serta pegawai-pegawai kanan jabatan dan agensi MAFS.

Pada lawatan ini, Foong Hin turut mengadakan sesi libat urus bersama pemain industri merentasi semua subsektor agromakanan disertai jabatan dan agensi berkaitan pertanian di Sabah bagi mendapatkan

input, pandangan dan cadangan untuk terus memperkukuh industri pertanian secara mampan.

la juga akan dilaksanakan secara bersiri dan berterusan di kedua-dua wilayah Sabah dan Sarawak bagi terus memperkukuhkan agenda keterjaminan sekuriti makanan negara.

Lebih 43,000 ekor ternakan mati akibat banjir di Terengganu

FOTO: JPV



Antara kambing yang mati akibat banjir di Terengganu.

KUALA TERENGGANU - Bencana banjir yang melanda Terengganu bermula minggu lalu menyebabkan sektor penternakan kerugian lebih RM3.47 juta akibat kematian ternakan, kerosakan kandang, pagar dan peralatan.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr Anun Man berkata, sebanyak 43,789 ekor lembu, kambing, biri-biri, ayam, itik, puyuh dan rusa dilaporkan mati dalam bencana tersebut.

Menurutnya, ternakan ayam merekodkan jumlah kematian paling tinggi iaitu sebanyak 37,612 ekor diikuti puyuh (4,000), itik (1,442), lem-

bu (502), kambing (142), biri-biri (64), kerbau (20) dan rusa (7).

"Setakat Ahad, kita sudah menerima sebanyak 712 laporan aduan yang melibatkan sektor ternakan dan daripada jumlah itu, Besut merekodkan kes paling tinggi berikutan dilanda banjir besar diikuti Setiu dan Kemaman.

"Kita tidak menolak kemungkinan berlaku peningkatan kes kerana masih ada penternak yang belum membuat laporan secara rasmi kepada JPV," katanya pada Rabu.

Dr Anun berkata, kebanyakan haiwan tersebut dilaporkan mati akibat ditenggelami banjir, dihanyutkan

arus deras dan kesejukan selepas tidak sempat diselamatkan susulan air naik secara mendadak.

Jelas beliau, selain kematian, banjir yang berlaku di Terengganu kerana fenomena Monsun Timur Laut turut menjejaskan 365,600 ekor ternakan lembu, kerbau, kambing, biri-biri, ayam, itik, puyuh dan rusa di seluruh negeri.

"Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah masih mengumpul data jumlah ternakan terjejas banjir dan kita minta penternak terlibat membuat aduan bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil," jelasnya.

Sistem Reban Tertutup atasi masalah lalat

IPOH – Kerajaan negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan menguatkuasakan Sistem Reban Tertutup bagi mengatasi isu lalat yang menyebabkan ketidakselesaian kepada penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Mohd. Zolkafly Harun berkata, sistem tersebut akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2026.

"Semua pengusaha unggas di Perak diminta menuju ke arah Sistem Reban Tertutup yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2026.

"Penguatkuasaan itu adalah lanjutan daripada keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) negeri bertarikh 8 Jun 2022 sebagai salah satu langkah untuk mengatasi isu kacau ganggu lalat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan lisan Muhammad Faisal Abdul Rahman (**Pas-Trong**) pada Persidangan

SIDANG DUN PERAK



Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak di sini semalam.

Menurut beliau, kerajaan negeri melalui JPV juga telah mengambil inisiatif untuk mengatasi masalah kacau ganggu lalat dengan penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas-Negeri Perak 2005 dan Peraturan-Peraturan Pengawalan Perladangan Unggas (Lesen) 2010.

Malah katanya, antara tindakan yang diambil oleh agensi itu adalah dengan meningkatkan kekerapan pemantauan di kawasan aduan dan dikenakan kompaun kepada ladang penternakan ayam dan itik yang tidak mematuhi syarat-syarat di bawah enakmen tersebut.



SISTEM Reban Tertutup menjadi alternatif kepada masalah lalat dihadapi penduduk yang tinggal bermapiran ladang ternakan ayam.

43,789 haiwan ternakan mati akibat banjir di Terengganu

Penternakan rugi RM3.47 juta

Oleh KAMALIZA KAMARUDDIN

KUALA TERENGGANU - Sektor penternakan di Terengganu merekodkan kerugian lebih RM3.47 juta apabila 43,789 ekor haiwan ternakan mati akibat banjir buruk melanda negeri ini baru-baru ini.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu, Dr. Anum Man berkata, selain kematian ternakan, pelbagai infrastruktur milik penternak termasuk kandang serta peralatan lain turut dilaporkan rosak akibat bencana berkenaan.

Bellau berkata, ternakan ayam merekodkan jumlah kematian tertinggi iaitu sebanyak 37,612 ekor diikuti puyuh (4,000), itik (1,442), lembu (502), kambing (142), biri-biri (64), kerbau (20) dan rusa (tujuh).

"Sehingga kini, JPV negeri telah menerima sebanyak 712 laporan daripada penternak berhubung kerugian yang dialami.

"Daerah yang paling teruk terjejas ialah Besut diikuti Setiu dan Kemaman. Kita menasihatkan semua penternak terjejas agar tampil segera membuat laporan bagi membolehkan penilaian kerugian boleh dibuat," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Anum berkata, antara punca kematian semua haiwan ternakan itu ialah kandang ditenggelami air, dibanyutkan arus deras dan kesejukan melampau akibat hujan berterusan.

"Ramai penternak mengakui mereka tidak menyangka akan mengalami kerugian begitu besar berbanding tahun-tahun sebelum ini.

"Paras air sangat tinggi dan naik dalam masa yang singkat menyebabkan ramai penternak



SEBAHAGIAN haiwan ternakan yang mati akibat banjir di Terengganu baru-baru ini.

tidak sempat menyelamatkan haiwan ternakan mereka," katanya.

Anum berkata, banjir yang berlaku sejak 17 Disember lalu turut menjejaskan 365,600 ekor ternakan lembu, kerbau, kambing, biri-biri, ayam, itik, puyuh dan rusa di seluruh negeri ini.



APMM lupus bot nelayan asing bernilai RM192,000

Bayan Lepas: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang di Limbongan Batu Maung di sini, semalam melupuskan bot nelayan asing dan tempatan serta peralatan menangkap ikan bernilai RM192,000 selepas mendapat keputusan lucut hak daripada mahkamah.

Pelupusan yang dilakukan menerusi kaedah hancur musnah itu membabitkan lima bot nelayan asing Indonesia, satu bot fiber nelayan tempatan, 492 set bubu naga dan dua pukal lohong hasil tangkapan pada 2021.

Pengarah APMM Negeri, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, lima bot berkenaan bernilai RM90,000 setiap satu, bot fiber (RM12,000) manakala bubu naga dan pukal lohong masing-masing berjumlah RM24,600 dan RM6,000. Katanya, kes pelupusan lucut hak itu membabitkan kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985 seperti tiada

Pelupusan itu adalah amaran jelas oleh APMM yang tegas dalam melaksana undang-undang bagi memastikan sumber perikanan negara dapat dilindungi dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak”

Abd Razak

permit menangkap ikan di perairan Malaysia, penguatkuasaan menangkap ikan yang tidak dibenarkan dan bot tempatan tidak mempunyai nombor pendaftaran.

“Pelupusan itu adalah amaran jelas oleh APMM yang tegas dalam melaksana



ABD Razak (dua dari kanan) melihat proses pelupusan bot di Limbongan Batu Maung, semalam. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

undang-undang bagi memastikan sumber perikanan negara dapat dilindungi dan tidak berkompromi dengan mana-mana pihak

“Buat masa ini, masih ada lagi beberapa barang eksibit yang menunggu proses bucut hak dari mahkamah termasuk dadah jenis syabu dengan anggaran lebih RM100 juta dan mengambil sedikit masa bertukar proses pendakwaan masih bertang-

“Sepanjang tahun ini hingga November lalu, sebanyak 4,379 pemeriksaan dan penggeledahan dilakukan dengan membawa kes-kesalahan pelbagai akta termasuk 10 kes pengusiran membabitkan bot nelayan asing Indonesia,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Mengulas mengenai pengusiran itu, Abd Razak berkata, kawasan Unresolved

“Dari segi penguatkuasaan, setiap tahun kita menjalinkan kerjasama agensi penguatkuasaan luar negara dalam menangani aktiviti jenayah kontraband, penyeludupan imigran, risikan dadah dan jenayah rentas sempadan,” katanya lagi.

“Kawasan itu diceroboh kerana tidak ada nelayan tempatan yang masuk ke perairan itu bagi menangkap ikan selain mempunyai hasil laut yang banyak.



SEBAHAGIAN bubu naga dilupuskan melalui kaedah hancur musnah di Limbongan Batu Maung.

29/12/2022

UTUSAN

DALAM

33

MALAYSIA

NEGERI

Petani kerjaya baharu bekas penyelia kilang



MOHD. FAEZEN ASMAWI dan isteri, **Siti Surnaiya Laderiah, 32**, serta anak-anaknya yang turut membantu di kebun di Ladang Kurnia Punggai, Kota Tinggi.

KOTA TINGGI: Seorang pemuda tidak menyesal meninggalkan pekerjaan tetapnya sebagai penyelia kilang untuk menceburi bidang pertanian.

Mohd. Faezen Asmawi, 32, mula menceburi bidang pertanian sejak tiga tahun lalu selepas majikannya memutarakan tempat kerja dari Pengerang ke Pasir Gudang.

Dia yang memiliki ijazah dalam bidang pengurusan minyak dan gas daripada Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkata, dalam masa sama keputusannya mence-

buri bidang pertanian itu adalah untuk menjaga orang tuanya.

"Awalnya saya bekerja di Pengerang sebagai penyelia kilang memproses simen kemudian bertukar di Pasir Gudang. Kemudian berlaku pula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid-19. Jadi, saya ambil keputusan mele-

takkan jawatan.

"Dalam masa sama emak memang mahu saya membantu ayah mengusahakan tanahnya dan adalah inspirasi saya untuk menjadi petani. Ayah juga ada buat tana-

man sayur-sayuran di tanah lain dan dia tidak berapa sihat kerana ada penyakit gout.

"Bermulalah saya menjadi petani menggunakan modal wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang boleh dikeluarkan ketika itu. Bermodalkan RM30,000 saya puas kerana dapat berbudi kepada tanah seluas empat ekar di sini," katanya.

Antara tanaman yang diusahakan adalah cili besar, benidi dan terung yang dijual di pasar raya dan kedai runcit.

Telur tetap tidak cukup walaupun import – Mydin

SEREMBAN – Jualan telur di rangkaian pasar raya besar Mydin hanya mencapai 640,000 biji sebulan berkurang hampir separuh, berikutan krisis kekurangan telur ayam di pasaran tempatan sejak tiga bulan lalu.

Pengarah Eksekutif Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Ahimmat Mydin berkata, walaupun telur import telah dibenarkan, namun ia masih tidak dapat menampung keperluan pengguna berbanding jualan 1.6 juta biji telur sebulan pada waktu normal.

"Kita sudah terima telur import dari India, tetapi masih tidak cukup. Semestinya pengguna lebih memilih telur tempatan berbanding yang diimport

"Dari segi keuntungan, lebih kurang sama apabila harga telur import gred C dijual pada harga 50 sen sebiji, manakala telur Gred C tempatan dijual pada harga 41 sen sebiji," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Beliau ditemui selepas Program Jelajah Generasi Pintar @ Mydin Prihatin dengan memberi bantuan keperluan sekolah kepada murid kurang berkemampuan di Mydin Seremban 2 di sini semalam.

Jelas Ahimmat, pengimportan telur perlu mengambil kira kos pengangkutan, selain risiko mudah pecah ketika dibawa masuk ke negara ini.

"Bagaimanapun, dengan kemasukan telur import dan dasar ekonomi terbuka, bekalan telur dijangka kembali stabil dalam tempoh dua ke tiga bulan lagi.

"Harga barangan boleh diturunkan sekiranya import dibenarkan dengan mengguna pakai teori semakin banyak barangan, maka kos harga dapat dikurangkan," katanya.

Ahimmat memberitahu, perkara itu dapat menggalak usaha kerajaan untuk menurunkan harga barangan, sekali gus menyumbang kepada pendapatan negara menerusi cukai import.



SEJAK krisis telur bermula, pengguna sukar untuk mendapatkan bahan makanan itu untuk kegunaan harian. – GAMBAR HIASAN

Telur import atau tempatan, apa pilihan pengguna?

Oleh SAFINA RAMLI
dan MOHAMAD NAUFAL
MOHAMAD IDRIS
utusannews@mediamula.com.my

SHAH ALAM: Para pengguna masih berkira-kira sama ada mahu membeli telur ayam tempatan yang harganya lebih mahal atau telur import yang masih dikhuatiri kualiti dan keselamatannya.

Seorang pengguna, Nor Hasmah Ismail, 39, berkata, dia meragui kualiti telur import berbanding tempatan berdasarkan tahap kebersihan, rasa serta ketahanannya dan rela mendapatkan telur tempatan yang lebih mahal.

"Keluarga kami tidak pernah pun guna telur import, berpuluh tahun guna telur tempatan. Jadi, memang sudah biasa makan telur tempatan, walaupun bukan setiap hari. Kami bimbang apabila guna telur import, rasanya berbeza, takut tidak sedap dan risau juga rasa masakannya akan berubah.

"Jadi, buat masa ini saya fikir lebih baik beli telur omega, walaupun harganya sedikit lebih mahal, tetapi kita tahu kualiti, tahap kebersihan dan rasa. Tidak banyak berbeza dengan telur biasa," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Bagaimanapun, berbeza pula bagi seorang lagi pengguna, Hussin Ali, 40, apabila memak-



PEMBORONG dan pembekal telur ayam di sekitar Georgetown, Pulau Pinang masih menjual telur ayam tempatan kerana belum mendapat bekalan telur ayam import.

lumkan dia lebih rela menggunakan telur import jika harganya lebih murah.

"Telur boleh dikatakan menjadi lauk rutin keluarga kami, kalau tidak jadi menu utama pun ia akan jadi menu sampingan supaya ada pilihan untuk anak-anak makan sekurang-kurangnya sebijik sehari.

"Cuma masalah sekarang adalah bekalan telur yang murah susah dapat. Saya tidak tahu apa masalah yang berlaku dalam rantaian perniagaan telur, tetapi

kalau ada telur import yang harganya lebih mahal pun tak guna juga kerajaan baranek import. Tetapi, saya harap masalah ini tidak berlarutan sampai tahun depan," luahnya.

Dalam tinjauan di sekitar bandar raya ini, bekalan telur dalam pekot ekonomi iaitu 30 biji sepapan bagi gred A dan B masih sukar untuk diperolehi berbanding C yang dijual sekitar RM16 hingga RM18 sepapan.

Bagaimanapun, stok bagi Gred C pula kuantitinya tidak

banyak dan hanya terdapat di sesetengah pasar raya sahaja berbanding kedai runcit dan pasar awam.

Namun, telur import seperti diuar-uarkan sebelum ini masih belum kelihatan dekat rak-rak barangan di pasar raya kecuali stok tempatan seperti telur organik dan omega dalam pekot 10 dan 15 biji.

Sementara itu di PULAU PINANG: Pemborong dan pembekal telur ayam di sekitar pusat bandar di sini masih belum menerima bekalan telur ayam import buat masa ini.

Kebanyakan mereka masih bergantung pada bekalan telur ayam tempatan walaupun berdepan dengan masalah kekurangan bekalan telur ayam segar.

Seorang pemborong dan pembekal telur ayam, Faisal Sidek berkata, dia tidak menolak kemungkinan untuk mendapatkan telur import bagi menampung permintaan pengguna.

"Telur ayam tempatan bagi semua gred masih mengalami kekurangan dan kami berharap bekalan telur ayam akan segera pulih bagi menampung permintaan pengguna," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, bekalan telur dihantar kepada pihaknya sebanyak tiga kali seminggu, namun masih belum mencukupi.

Harga siling telur tempatan rendah berbanding Thailand, Indonesia

PETALING JAYA: Kerajaan dan rakyat perlu menerima hakikat bahawa harga siling telur ayam dalam negara sangat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara di rantau Asia Tenggara terutamanya Thailand dan Indonesia.

Pakar ternakan ayam yang juga bekas pensyarah Sains Haiwan, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Azhar Kasim berkata, harga telur ayam bagi gred B di Thailand adalah 47 sen sebijik berbanding 43 sen sebijik di Malaysia.

Dalam masa sama, menurutnya, harga telur ayam bagi gred B di Indonesia pula telah meningkat lagi kepada RM8.82 sekilogram sempena hari Natal dan menjelang tahun baharu 2023 berbanding di Malaysia cuma RM6.88 sekilogram.

"Andaian keluhan penternak ayam mengenai kos produksi telur itu benar, maka jika harga telur ayam diunjurkan naik sebanyak lima sen iaitu kepada harga 48 sen sebijik bagi gred B bersamaan RM7.68 sekilogram sekalipun, ia masih tergolong sebagai sumber protein haiwan paling murah.

"Langkah menaikkan harga telur sebanyak lima sen sebijik akan beri impak besar dalam jangka masa panjang dalam industri telur dalam negara dan rakyat akan dapat melihat hasilnya dalam lima, enam bulan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Terdahulu, sumber industri telur ayam menggesa kerajaan tidak menerima cadangan menaikkan harga telur kerana bukan hanya menjejaskan imej kerajaan, tetapi bakal memberi kesan jangka panjang terhadap kebajikan rakyat.

Kos telur import tinggi, untung kedai mamak terjejas

PETALING JAYA: Peruncit dan pengedar telur ayam berdepan tiga risiko menjual telur ayam yang diimport dari India yang sudah memasuki pasaran pada 16 Disember lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Bhd., Datuk Ameer Ali Mydin berkata, tiga masalah itu ialah harga lebih mahal, perlu menyediakan penutup telur dan risiko telur pecah yang tidak boleh diganti.

"Bercakap soal margin keuntungan menjual telur import ini, margin masih sama. Tapi kos telur import ini lebih mahal.

"Pertama, kos import itu sendiri. Kedua, telur import ini perlu dimasukkan dalam kontena khas lengkap dengan peti sejuk khas. Mana boleh



AMEER ALI MYDIN

masuk kontena biasa. Maka, ini meningkatkan kos logistik dan ketiga peruncit terpaksa menyediakan penutup khas bagi telur dari India, kerana pembekal tidak menyediakannya," katan-

ya ketika dihubungi.

Menurut beliau, meskipun telur import dijual pada harga RM15 sepapan untuk 30 biji, namun peruncit juga berdepan risiko telur yang pecah dan tidak boleh dipulangkan semula kepada pihak pembekal.

"Di Mydin, kita memang jual RM15 satu papan telur import dari India. Ini termasuk kos penutup itu yang kita kena tanggung. Kemudian, telur dari India ini juga membabitkan kos mengendalikannya yang tinggi.

"Maksudnya, telur ini bahan mudah pecah. Kalau telur tempatan, apabila kita beli tapi ia pecah atau jatuh, kita boleh hantar semula kepada pembekal. Tapi, kalau telur import, mahu hantar balik ke India mana boleh," katanya.

Oleh itu, Ameer mencadangkan kerajaan mempertimbangkan langkah mengapungkan harga telur bagi menstabilkan semula bekalan tempatan dan bukan perlu berterusan bergantung kepada telur import.

Sementara itu, Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Datuk Jawahar Ali Taib Khan sewaktu dihubungi berkata, restoran-restoran mamak di seluruh negara terpaksa menyerap kos telur import yang tinggi tanpa menaikkan harga makanan.

"Kita tidak boleh jadikan alasan untuk menaikkan harga makanan sebab yang tertekan nanti adalah pengguna, rata-rata pelanggan restoran mamak adalah kumpulan B40 dan M40," katanya.